



## SIARAN AKHBAR

### KAJI SELIDIK RANGKUMAN KEWANGAN AMBD 2020

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama pihak Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan mengendalikan satu kaji selidik rangkuman kewangan mulai 19hb Oktober 2020 sehingga 15 November 2020.
2. Kaji selidik ini merupakan sebahagian dari inisiatif AMBD untuk meningkatkan tahap rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam, dan meningkatkan akses penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam kepada perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk kewangan yang sedia ada. Kaji selidik tersebut akan mengukur tahap rangkuman kewangan bagi individu-individu di negara ini. Hasil kaji selidik tersebut akan membantu dalam pelaksanaan analisis dan penggubalan dasar yang berkesan.
3. AMBD, secara berterusan, telah melaksanakan pelbagai inisiatif rangkuman kewangan AMBD, seperti pengeluaran *Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019 - 2025*, yang menggalakkan sektor kewangan untuk meningkatkan lagi tahap rangkuman kewangan digital di negara ini. AMBD secara aktif juga mengadakan beberapa kursus-kursus, bengkel-bengkel pengurusan kewangan dan penglibatan media sosial yang bertujuan untuk meningkatkan celik kewangan, dan seterusnya menyumbang kepada rangkuman kewangan.
4. Bagi pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kajian ini, orang ramai boleh menghubungi pihak Isu Pengguna Kewangan, AMBD di talian 2380007 atau melalui emel di [fci-edu@ambd.gov.bn](mailto:fci-edu@ambd.gov.bn).

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 3 Rabiulawal 1442/ 20 Oktober 2020